



MURNIZAM (dua kanan) mempengerusikan mesyuarat Minggu Suai Mesra UMSKAL.

UMS Labuan terima 625 pelajar baharu

UMS 31.8.2019 A6
LABUAN: Kira-kira 625 pelajar baharu telah mengesahkan untuk melanjutkan pengajian mereka di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi sesi pengambilan akademik 2018/2019.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata daripada jumlah itu, 508 orang akan mengikuti pembelajaran di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) manakala 117 pelajar lagi di Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

“UMS Labuan masih menunggu jawapan beberapa orang lagi pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka pada sesi kali ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Minggu Suai



MURNIZAM

Mesra (MSM) di Bilik Seminar Kiamsam pada Rabu.

Turut hadir, Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Nur Iman Reedzal.

Murnizam berkata Ahli Jawatankuasa MSM dan Pembimbing Suai Mesra (PSM) sudah bersedia sepenuhnya untuk menerima kehadiran pelajar baharu

pada tahun ini.

Katanya, pelajar baharu itu akan mendaftar pada 3 dan 4 September sebelum mengikuti pelbagai program sempena MSM 2018/2019.

Antara program itu ialah Majlis Ikrar dan Aku Janji, Majlis Amanat Pengarah UMSKAL dan Majlis Malam Bakat.

“Pelajar baharu juga akan mengikutitaklimat berkaitan pengurusan dan pentadbiran di UMS Labuan,” katanya.

Murnizam bagi pihak Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu dari Sabah, Sarawak, Semenanjung serta pelajar tempatan ke UMS Labuan pada sesi kali ini.

“Kehadiran ibu bapa yang akan menghantar anak mereka pasti akan membantu menjana ekonomi dan merencanakan lagi industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.